

HARI : SELASA  
TARIKH : 8/10/2019  
M/SURAT : 2

## Harga petrol RON95 diapungkan semula

**PUTRAJAYA** — Kerajaan akan mengapungkan semula harga runcit petrol RON95 bermula awal tahun hadapan serentak dengan pelaksanaan Program Subsidi Petrol (PSP) pada 1 Januari 2020.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, harga bahan api itu akan dikekalkan pada kadar RM2.08 sehingga 31 Disember ini.

"Bermula 2020, harga petrol RON95

akan diapungkan secara berperingkat sehingga setara dengan harga pasaran," katanya pada sidang akhbar khas PSP di sini semalam.

Sistem apungan akan menentukan harga bahan api berdasarkan minyak mentah dunia.

Mengulas lanjut mengenai kebimbangan rakyat berlakunya kenaikan harga barang dengan pelaksanaan PSP itu, Saifuddin Nasution menegaskan,

pihaknya mempunyai 3,000 kakitangan dan 2,300 pegawai pemantau harga di seluruh negara yang akan melakukan tugas.

Orang ramai juga boleh melaporkan aduan kepada KPDNHEP melalui talian **1800-886-800**, aplikasi telefon pintar EzADU, portal e-aduan dan WhatsApp KPDNHEP **019-2794 317** atau hadir ke mana-mana pejabat KPDNHEP yang terdekat.